NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	Y.B. DR. KO CHUNG SEN (KAMPAR)
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	23.03.2015

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) bilangan dan peratusan individu yang membayar cukai pendapatan individu di negara ini; dan

(b) jumlah cukai yang dibayar oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam tempoh lima tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah 3.17 juta orang yang mengemukakan borang nyata cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2013, seramai lebih kurang 2.02 juta orang bersamaan 63.73 peratus membayar cukai pendapatan.

2. Jumlah cukai yang dibayar oleh YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak dapat didedahkan kerana tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan dibawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang menghalang Kerajaan daripada mendedahkan maklumat pembayar cukai pendapatan kepada mana-mana pihak.